

## **TEKS UCAPAN**

**Y.BHG PROFESOR DATUK WIRA DR. RAHA BINTI ABDUL RAHIM**

**NAIB CANSOLOR**

---

**Majlis Pelancaran 'Read@Uni' Universiti Teknikal Malaysia Melaka**

*24 Oktober 2019, 9.00 am, Perpustakaan Laman Hikmah, UTeM*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh

Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau,  
Bersih.

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita panjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah Taa'la, atas izin dan kurniaNya, kita berpeluang hadir dan berkumpul pada hari yang indah ini bersempena **Majlis Pelancaran 'Read@Uni' Universiti Teknikal Malaysia Melaka.**

2. Saya dan seluruh warga UTeM amat berbesar hati dan mengalu-alukan kehadiran **Yang Berbahagia Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti**, kerana sudi meluangkan masa hadir dan merasmikan program anjuran Perpustakaan Laman Hikmah pada pagi ini.

**Meniti titi bersama kendi,  
Menyambut tetamu si adiwangsa;  
Tinggi pekerti menyemai budi,  
Tinggi ilmu memartabat bangsa.**

**Y.Bhg Tan Sri, Hadirin dan Hadirat sekalian,**

- 3. Program Read@Uni, Universiti Teknikal Malaysia Melaka** ini diadakan, bertujuan untuk memperkasakan budaya membaca dan cintakan ilmu, di kalangan seluruh warga Universiti. Penganjurannya juga adalah selaras dengan aspirasi Yang Berhormat, Menteri Pendidikan Malaysia, untuk melahirkan warga yang berbudaya membaca dan mencintai ilmu.

4. Seperti mana yang diketahui umum, membaca merupakan amalan yang mulia dan amat penting dalam membentuk masyarakat yang berilmu dan lebih bertamadun. Tidak kiralah apa jua genre dan jenis bahan bacaan, amalan ini hendaklah disemai dan dibudayakan di dalam diri kita semua, kerana lebih banyak kita membaca, lebih meluas dan berkembang pengetahuan kita.

5. Ini amat bertepatan dengan slogan Read@Uni sendiri iaitu **“With Knowledge We Lead”**, yang menunjukkan bahawa ilmu dan pengetahuan merupakan elemen terpenting yang perlu dikuasai, supaya hasrat kita untuk melahirkan generasi ilmuan yang terbilang dan terunggul, yang berupaya memberikan sumbangan terbaik terhadap pembangunan bangsa dan negara yang jauh lebih maju, dapat direalisasikan.

6. Amalan membaca juga berupaya melahirkan *knowledge society* yang mempunyai minda kelas pertama serta berfikiran kritis dan terkehadapan, selain dapat menerapkan budaya literasi sebagai nilai tambah kepada setiap diri individu. Inilah ciri-ciri insan yang amat diperlukan, untuk terus bersaing di era globalisasi yang serba mencabar masa kini.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

7. Berdasarkan pemerhatian saya, seharusnya amalan membaca dalam kalangan mahasiswa ternyata tinggi dan menjadi semakin menyeronokkan dengan integrasi pembelajaran dan pengajaran dalam era teknologi Revolusi Perindustrian 4.0.
8. **Kajian Interim Tabiat Membaca Rakyat Malaysia 2014 oleh Perpustakaan Negara Malaysia** mendapati bahawa, rakyat Malaysia membaca hanya 15 buah buku setahun.



9. Menerusi kajian tersebut, didapati rakyat Malaysia amat gemar memilih majalah sebagai bahan bacaan utama iaitu sebanyak 62.8%; akhbar pula 61.2%; pemilihan buku ilmiah sebanyak 54.8%; novel dan fiksyen 47%; bahan dalam talian sebanyak 46.4%; buku bukan fiksyen pula sebanyak 29.9%; komik 25.3% dan jurnal sebanyak 19.9%. Ini jelas membuktikan bahawa rakyat Malaysia lebih berminat kepada bacaan ringan berbanding bahan bacaan yang bersifat ilmiah.

10. Manakala, menurut **World Culture Score for Reading Index 2018** mendapati bahawa, penduduk Malaysia hanya memperuntukkan waktu membaca kurang daripada 5 jam seminggu. Sebagai perbandingan, Negara India menduduki tempat pertama kerana rakyatnya membaca lebih dari 10 jam seminggu, diikuti Thailand lebih daripada 9 jam seminggu, China pula 8 jam seminggu dan Filipina lebih daripada 7 jam seminggu.

11. Sementara itu, kajian **The World's Most Literate Nation** atau **Negara Paling Celik Huruf Sejagat pada 2016** telah menyenaraikan Malaysia pada kedudukan ke-53, jauh ketinggalan berbanding negara jiran, Singapura yang berada pada kedudukan ke-36.

**Hadirin dan Hadirat yang dikasihi sekalian,**

12. Berdasarkan dapatan hasil kajian ini, amalan membaca di kalangan masyarakat kita khususnya di kalangan generasi muda perlulah dipertingkatkan lagi. Pendekatan pihak Kerajaan khususnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia,

dalam memperkasakan semula kempen amalan membaca, menerusi pelaksanaan **Dekad Membaca Kebangsaan** yang bakal bermula pada tahun **2021 sehingga 2030**, dilihat amat wajar untuk dilaksanakan.

13. Dalam menyahut hasrat baik pihak Kerajaan ini, maka program Read@Uni ini merupakan usaha strategik yang direncanakan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Jawatankuasa Ketua Pustakawan Universiti Awam, dalam merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara membaca menjelang tahun 2030.

14. Bagi pihak UTeM sendiri, Universiti telah memulakan gerak kerja kempen Read@Uni, bermula dari tahun 2018 lagi. Pelbagai aktiviti dan program telah dan bakal dilaksanakan seperti sesi perkongsian bedah buku oleh penulis *bestseller*, *agency talk*, *info hunt*, pertandingan debat mahasiswa, campus fun run, dan pelbagai lagi.

**Y.Bhg Tan Sri, Hadirin dan Hadirat sekalian,**

15. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengajak semua warga Universiti untuk terus menyemarakkan lagi amalan membaca, sebagai santapan rohani, yang memperkayakan jiwa dan merangsang stimulasi minda bagi fitrah seorang manusia.

16. Impak kepada penguasaan ilmu ini juga dilihat dapat menzahirkan aspirasi UTeM yang diterjemahkan menerusi konsep T.U.N.A.I atau Technology @University Advancing Industry and Society, ke arah melahirkan warga universiti yang lebih cemerlang dan berpotensi tinggi sebagai penyumbang solusi terbaik terhadap pembangunan industri dan komuniti yang lebih lestari.

17. Akhir kata, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada Perpustakaan Laman Hikmah kerana telah membuat pelbagai usaha, inovasi dan pendekatan yang proaktif dalam memberikan imej baharu kepada PLH, serta melanjutkan waktu perkhidmatan kepada **pengoperasian 24 jam** bagi **keseluruhan ruang Aras 1**, untuk memberikan suasana pembelajaran yang menarik serta kemudahan yang kondusif kepada warga kampus.



18. Saya juga berharap agar inisiatif murni seperti penganjuran program serta aktiviti seumpama ini dapat diperbanyakkan lagi di masa hadapan, bagi meningkatkan kualiti dan kompetensi warga UTeM yang lebih cemerlang dan holistik.

**Berjumpa teman di Padang Temu,  
Jalan berduaan menuju ke taman;  
Warga UTeM berhikmah berilmu,  
Jadi kebanggaan zaman berzaman.**

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wrt. wbt.* Terima kasih.